



14 April 2016
14 April 2016
P.U. (A) 98

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM
(PENGENDALIAN AERODROM) 2016

*CIVIL AVIATION (AERODROME OPERATIONS)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PENGENDALIAN AERODROM) 2016

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KATEGORI AERODROM

4. Kategori aerodrom

BAHAGIAN III

PENUBUHAN, PENYENGGARAAN DAN PENGENDALIAN AERODROM

5. Penubuhan aerodrom
6. Perakuan aerodrom
7. Perubahan manual aerodrom
8. Penyenggaraan dan pengendalian aerodrom
9. Perubahan kepada butiran dalam kebenaran, perakuan atau lesen
10. Pindah milik kebenaran, perakuan atau lesen
11. Penyerahan balik kebenaran, perakuan atau lesen

BAHAGIAN IV
OBLIGASI PENGENDALI AERODROM

Peraturan

12. Obligasi pengendali aerodrom dalam menyenggara atau mengendalikan aerodrom
13. Pemberitahuan tentang masa pengendalian aerodrom
14. Kekompetenan kakitangan
15. Sistem pengurusan keselamatan
16. Penyimpanan barangan mudah terbakar dan barangan berbahaya
17. Pengalihan halangan dari aerodrom
18. Program pengurusan alam sekitar
19. Perlindungan alat bantu penerbangan
20. Obligasi am
21. Pemeriksaan khas
22. Notis amaran

BAHAGIAN V
ALAT BANTU VISUAL AERONAUTIK

23. Alat bantu visual aeronautik

BAHAGIAN VI
LAMPU DARAT AERONAUTIK

24. Lampu darat aeronautik
25. Bekalan kuasa sekunder
26. Bikon aerodrom

BAHAGIAN VII
HAD HALANGAN DAN PENGALIHAN

27. Had halangan
28. Kebenaran untuk membina di sekitar aerodrom
29. Pemasangan kelengkapan di tapak udara

Peraturan

30. Penandaan dan penyalaan halangan

BAHAGIAN VIII
PELAN KECEMASAN AERODROM

31. Pelan kecemasan aerodrom

BAHAGIAN IX
PELAN PENGURUSAN BAHAYA HIDUPAN LIAR

32. Pelan pengurusan bahaya hidupan liar

BAHAGIAN X
PERKHIDMATAN PENGENDALIAN AERODROM

33. Perkhidmatan menyelamatkan dan memadamkan api
34. Bekalan bahan api penerbangan
35. Pengalihan kapal udara yang tidak dapat digunakan
36. Perkhidmatan pengurusan apron
37. Program pemeriksaan keselamatan

BAHAGIAN XI
PERATURAN-PERATURAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN PERGERAKAN

38. Akses kenderaan ke kawasan pergerakan dan kawasan olah gerak
39. Pas lapangan terbang dan pas lapangan terbang sementara
40. Pengendalian kenderaan di kawasan pergerakan
41. Permit kenderaan tapak udara
42. Permit masuk sementara
43. Masuk kerana kecemasan
44. Permit memandu tapak udara

Peraturan

45. Pagaran aerodrom dan pemasangan
46. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan arahan

BAHAGIAN XII
PENYENGGARAAN AERODROM

47. Program penyenggaraan
48. Penyenggaraan laluan jalan kaki
49. Penyenggaraan alat bantu visual aeronautik
50. Kerja semasa pengendalian jarak penglihatan rendah
51. Kerja di aerodrom

BAHAGIAN XIII
SISTEM ELEKTRIK AERODROM

52. Sistem elektrik aerodrom

BAHAGIAN XIV
PELAPORAN MAKLUMAT

53. Maklumat kepada pengguna aerodrom
54. Pemberitahuan dan pelaporan

BAHAGIAN XV
PENEMPATAN, PARKIR DAN KEMUDAHAN PENERBANGAN UDARA

55. Penempatan kapal udara
56. Parkir kapal udara
57. Caj kemudahan penerbangan udara
58. Perkiraan bagi pembayaran caj penempatan dan kemudahan penerbangan udara

BAHAGIAN XVI

PELBAGAI

Peraturan

59. Lapangan terbang kastam
60. Langkah keselamatan terhadap kebakaran
61. Penjalanan ujian enjin kapal udara
62. Tindakan tertentu yang dilarang di aerodrom
63. Cahaya berbahaya
64. Penggantungan, perubahan dan pembatalan kebenaran, perakuan atau lesen
65. Pengawasan pengawalseliaan keselamatan
66. Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat
67. Kesalahan yang berhubungan dengan dokumen dan rekod
68. Penalti

JADUAL

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PENGENDALIAN AERODROM) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan perenggan 3(2)(*dd*), (*e*) dan (*f*) Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2016.

Pemakaian

2. (1) Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi aerodrom Kategori 1, 2, 3 dan 4.

(2) Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi aerodrom angkatan tentera.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“apron” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 [*P.U. (A) 97 /2016*];

“bahaya hidupan liar” ertinya suatu potensi bagi suatu pelanggaran kapal udara dengan hidupan liar di atau berhampiran dengan suatu aerodrom;

“halangan” ertinya suatu benda tetap, sama ada sementara atau kekal, atau benda bergerak, atau mana-mana bahagian benda itu—

- (a) yang terletak di suatu kawasan yang dimaksudkan untuk pergerakan permukaan suatu kapal udara;
- (b) yang melebihi suatu permukaan yang ditentukan yang dimaksudkan untuk melindungi kapal udara dalam penerbangan; atau
- (c) yang terletak di luar permukaan yang ditentukan itu dan telah dinilai sebagai suatu bahaya kepada penerbangan udara;

“halangan yang dibenarkan” ertinya apa-apa halangan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah di atas jalur landasan, kawasan keselamatan hujung landasan, jalur jalan teksi atau dalam jarak lega landasan jalan teksi atau di atas laluan lega;

“hidupan liar” termasuklah burung liar dan binatang jinakan;

“jalan teksi” ertinya suatu laluan yang ditentukan di atas suatu aerodrom yang diadakan untuk penteksian kapal udara dan dimaksudkan untuk menyediakan suatu sambungan di antara satu bahagian aerodrom dengan bahagian yang lain, termasuklah—

- (a) suatu lorong teksi tempat letak kapal udara, yang merupakan suatu bahagian apron yang ditentukan sebagai jalan teksi dan dimaksudkan untuk menyediakan akses kepada tempat letak kapal udara sahaja;
- (b) suatu jalan teksi apron, yang merupakan suatu bahagian sistem jalan teksi yang terletak di atas suatu apron dan dimaksudkan untuk menyediakan laluan teksi merentasi apron itu; atau
- (c) suatu jalan teksi keluar pesat, yang merupakan suatu jalan teksi yang bersambung dengan landasan pada suatu sudut akut dan direka bentuk untuk membenarkan kapal udara yang mendarat untuk dimatikan pada kelajuan yang lebih tinggi berbanding yang dicapai di atas jalan teksi keluar yang lain dan dengan itu meminimumkan masa duduk di atas landasan;

“jalur jalan teksi” ertinya suatu kawasan di aerodrom termasuklah suatu jalan teksi yang dimaksudkan untuk melindungi kapal udara yang dikendalikan di atas jalan teksi dan untuk mengurangkan risiko kerosakan kepada suatu kapal udara yang dengan tidak sengaja terbabas dari jalan teksi;

“jalur landasan” ertinya suatu kawasan yang ditentukan di suatu aerodrom, termasuklah landasan dan laluan hentian, jika disediakan, yang dimaksudkan—

- (a) untuk mengurangkan risiko kerosakan kepada kapal udara yang terbabas dari landasan; dan
- (b) untuk melindungi kapal udara yang terbang melintasinya semasa pengendalian pelepasan atau pendaratan;

“kapal udara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“kawasan olah gerak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“kawasan pergerakan” ertinya bahagian suatu aerodrom yang digunakan bagi pelepasan, pendaratan dan penteksian suatu kapal udara, yang terdiri daripada kawasan olah gerak dan apron;

“kemudahan” termasuklah—

- (a) jalan berturap;
- (b) alat bantu pandang;
- (c) pagaran;
- (d) kelengkapan komunikasi, penerbangan dan pengawasan;

(e) sistem perparitan; dan

(f) bangunan;

“lampu aeronautik darat” ertinya apa-apa lampu yang disediakan khusus sebagai alat bantu kepada penerbangan udara selain lampu yang ditunjukkan pada suatu kapal udara;

“landasan” ertinya suatu kawasan segi empat yang ditentukan di atas suatu aerodrom darat yang dimaksudkan untuk pelepasan dan pendaratan kapal udara;

“malam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“penandaan” ertinya suatu simbol atau kumpulan simbol di atas suatu aerodrom yang ditunjukkan pada permukaan kawasan pergerakan bagi menyampaikan maklumat aeronautik;

“pengangkutan udara komersial” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“pengendali aerodrom” ertinya—

(a) mana-mana orang yang dilesenkan di bawah peraturan 6 untuk menyenggara atau mengendalikan aerodrom Kategori 2 atau 4; atau

(b) mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 38 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*] untuk mengendalikan aerodrom Kategori 1 atau 3;

“perkhidmatan penerbangan udara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“permukaan had halangan” ertinya suatu siri permukaan yang menentukan isi padu ruang udara di dan di sekeliling suatu aerodrom untuk dikekalkan bebas halangan bagi membolehkan pengendalian kapal udara yang dimaksudkan dijalankan dengan selamat dan untuk mencegah aerodrom itu daripada menjadi tidak boleh digunakan akibat pertumbuhan halangan di sekeliling aerodrom itu;

“rekod” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“sekitar” ertinya suatu ruang udara yang ditentukan di sekeliling suatu aerodrom bagi mengawal halangan yang boleh melanggar permukaan had halangan di sekeliling aerodrom itu, yang terletak dalam lingkungan radius 15, 000 meter dari aerodrom itu;

“tanda” termasuklah suatu isyarat, tanda amaran, tiang, tiang penunjuk arah, garisan, lampu dan peranti lain bagi panduan atau arahan seseorang yang menggunakan suatu kawasan olah gerak;

“tapak udara” ertinya kawasan pergerakan suatu aerodrom, muka bumi bersebelahan dan apa-apa bangunan atau mana-mana bahagian bangunan itu, yang akses kepadanya dikawal;

“unit perkhidmatan penerbangan udara” termasuklah unit kawalan lalu lintas udara, pusat maklumat penerbangan dan pejabat pelaporan perkhidmatan penerbangan udara.

BAHAGIAN II KATEGORI AERODROM

Kategori aerodrom

4. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, aerodrom hendaklah dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Kategori 1: aerodrom Kerajaan yang boleh digunakan oleh kapal udara pengangkutan udara komersial;
- (b) Kategori 2: aerodrom Kerajaan yang tidak boleh digunakan oleh kapal udara pengangkutan udara komersial;
- (c) Kategori 3: aerodrom persendirian yang boleh digunakan oleh kapal udara pengangkutan udara komersial; dan
- (d) Kategori 4: aerodrom persendirian yang tidak boleh digunakan oleh kapal udara pengangkutan udara komersial.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN, PENYENGGARAAN DAN PENGENDALIAN AERODROM

Penubuhan aerodrom

5. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan suatu aerodrom melainkan jika orang itu dibenarkan oleh Menteri.

(2) Suatu permohonan bagi kebenaran hendaklah—

- (a) dibuat kepada Menteri dalam bentuk dan cara disertakan dengan dokumen dan maklumat, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Jika Menteri berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi kehendak dalam subperaturan (2), Menteri boleh membenarkan pemohon itu untuk menubuhkan

suatu aerodrom tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri.

(4) Kebenaran untuk menubuhkan suatu aerodrom di bawah subperaturan (3) hendaklah sah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan kebenaran itu boleh diubah atau dilanjutkan.

(5) Suatu permohonan untuk mengubah atau melanjutkan kebenaran hendaklah dibuat menurut subperaturan (2).

(6) Suatu permohonan untuk melanjutkan kebenaran hendaklah dibuat tidak kurang daripada enam puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh kebenaran.

Perakuan aerodrom

6. (1) Tiada seorang pun boleh menyenggara atau mengendalikan suatu aerodrom melainkan jika orang itu mempunyai suatu perakuan aerodrom yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi suatu perakuan aerodrom hendaklah—

(a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

(b) disertakan dengan suatu manual aerodrom dan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;

(c) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan

(d) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan aerodrom jika dia berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak dalam subperaturan (2).

(4) Perakuan aerodrom itu hendaklah sah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan perakuan itu boleh diubah atau dibaharui.

(5) Suatu permohonan untuk mengubah atau membaharui suatu perakuan aerodrom hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan dalam hal pembaharuan, permohonan, hendaklah dibuat tidak kurang daripada enam puluh hari sebelum tarikh tamat perakuan aerodrom itu;

(b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan

(c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat atas pengeluaran, perubahan atau pembaharuan suatu perakuan aerodrom di bawah peraturan ini.

Perubahan manual aerodrom

7. (1) Suatu permohonan untuk mengubah suatu manual aerodrom yang menjadi sebahagian daripada permohonan bagi suatu perakuan aerodrom di bawah subperaturan 6(2) hendaklah—

(a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan disertakan dengan dokumen dan maklumat, sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh mengubah suatu manual aerodrom jika dia berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak di bawah subperaturan (1).

(3) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat atas perubahan manual aerodrom di bawah peraturan ini.

Penyenggaraan dan pengendalian aerodrom

8. (1) Tiada seorang pun boleh menyenggara atau mengendalikan suatu aerodrom Kategori 2 atau 4 melainkan jika orang itu mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan oleh Menteri.

(2) Suatu permohonan bagi pengeluaran suatu lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) dibuat kepada Menteri dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan dokumen dan maklumat, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;

(b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan

(c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Menteri boleh mengeluarkan suatu lesen kepada pemohon jika dia berpuas hati bahawa pemohon itu—

(a) mempunyai suatu perakuan aerodrom di bawah peraturan 6; dan

(b) telah memenuhi kehendak dalam subperaturan (2).

(4) Lesen untuk menyenggara atau mengendalikan suatu aerodrom Kategori 2 atau 4 hendaklah sah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan lesen itu boleh diubah atau dibaharui.

(5) Suatu permohonan untuk mengubah atau membaharui lesen hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Menteri dan dalam hal pembaharuan, permohonan hendaklah dibuat tidak kurang daripada enam puluh hari sebelum tarikh tamat lesen itu;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(6) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat atas pengeluaran, perubahan atau pembaharuan lesen di bawah peraturan ini.

Perubahan kepada butiran dalam kebenaran, perakuan atau lesen

9. Mana-mana orang yang mempunyai kebenaran, perakuan atau lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah memaklumkan Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara bertulis mengenai apa-apa perubahan tentang—

- (a) alamat perniagaan yang tertera pada kebenaran, perakuan atau lesen itu, dalam tempoh empat belas hari sebelum tarikh pertukaran alamat perniagaan itu; atau
- (b) alamat surat-menyurat yang tertera pada kebenaran, perakuan atau lesen apabila alamat surat-menyurat itu berubah.

Pindah milik kebenaran, perakuan atau lesen

10. Suatu kebenaran, perakuan atau lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini khas untuk orang yang kepadanya kebenaran, perakuan atau lesen itu dikeluarkan dan tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak kepada mana-mana orang lain.

Penyerahan balik kebenaran, perakuan atau lesen

11. (1) Seseorang yang mempunyai kebenaran, perakuan atau lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh menyerahkan balik kebenaran, perakuan atau lesen itu dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh penyerahan balik yang dicadangkan.

(2) Jika Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, membenarkan penyerahan balik kebenaran, perakuan atau lesen oleh orang itu, penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa enam bulan dari tarikh Menteri atau Ketua Pengarah menerima notis bertulis di bawah subperaturan (1) atau pada tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atau Ketua Pengarah, dan orang itu hendaklah—

- (a) mengambil langkah dan memberikan bantuan sebagaimana dikehendaki oleh Menteri atau Ketua Pengarah; dan
- (b) menyerahkan balik kebenaran, perakuan atau lesen itu kepada Menteri atau Ketua Pengarah pada atau sebelum tarikh kuat kuasa penyerahan balik itu.

(3) Penyerahan balik kebenaran, perakuan atau lesen di bawah subperaturan (1) tidak boleh ditarik balik melainkan jika Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik.

BAHAGIAN IV

OBLIGASI PENGENDALI AERODROM

Obligasi pengendali aerodrom dalam menyenggara atau mengendalikan aerodrom

12. Pengendali aerodrom yang menyenggara atau mengendalikan suatu aerodrom hendaklah—

- (a) memastikan kemudahan dan spesifikasi aerodrom itu memenuhi keperluan kapal udara yang baginya aerodrom itu dimaksudkan;
- (b) memastikan kemudahan berada dalam keadaan yang dapat digunakan dan semua radas yang dipasang di aerodrom itu berfungsi;
- (c) memastikan spesifikasi aerodrom itu mematuhi standard sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (d) memastikan pengendalian aerodrom itu dilaksanakan mengikut manual aerodrom;
- (e) memastikan perkhidmatan yang disediakan di aerodrom itu dalam keadaan yang dapat digunakan;
- (f) memastikan penyenggaraan kemudahan aerodrom mematuhi standard sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (g) jika perkhidmatan penerbangan udara disediakan di aerodrom itu, menyelaraskan dengan orang yang menyediakan perkhidmatan penerbangan udara untuk memastikan keselamatan mana-mana kapal udara yang dikendalikan di aerodrom itu; dan
- (h) memastikan semua orang yang melaksanakan aktiviti di aerodrom itu mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pemberitahuan tentang masa pengendalian aerodrom

13. Pengendali aerodrom hendaklah memberitahu atau menyebabkan supaya diberitahu kepada pengendali kapal udara tentang masa aerodrom boleh digunakan bagi pelepasan dan pendaratan kapal udara itu.

Kekompetenan kakitangan

14. (1) Pengendali aerodrom hendaklah—

- (a) memastikan terdapat jumlah kakitangan yang berkecukupan dan berkemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan tugas yang berkaitan bagi penyenggaraan dan pengendalian aerodrom; dan
- (b) melaksanakan apa-apa program yang boleh meningkatkan kekompetenan kakitangan pengendali aerodrom itu.

(2) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan pengendali aerodrom untuk mengemukakan keterangan bahawa pengendali aerodrom itu mematuhi kehendak di bawah perenggan (1)(a) dan (b) dan pengendali aerodrom itu hendaklah mematuhi arahan itu.

Sistem pengurusan keselamatan

15. Pengendali aerodrom yang menyenggara atau mengendalikan aerodrom Kategori 1 atau 3 hendaklah mengadakan suatu sistem pengurusan keselamatan dan hendaklah memastikan sistem pengurusan keselamatan itu disenggara, dilaksanakan dan dipatuhi.

Penyimpanan barangan mudah terbakar dan barangan berbahaya

16. (1) Tiada pengendali aerodrom boleh menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan apa-apa barangan mudah terbakar atau barangan berbahaya di suatu aerodrom kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “barangan berbahaya” ertinya artikel atau bahan yang—

- (a) boleh mendatangkan apa-apa risiko kepada kesihatan, keselamatan, harta benda atau alam sekitar; dan

- (b) disenaraikan atau dikelaskan sebagai barangan berbahaya dalam Arahan-Arahan Teknikal bagi Pengangkutan Barangan Berbahaya Melalui Udara (Dok 9284), diluluskan dan dikeluarkan mengikut tatacara yang diadakan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Pengalihan halangan dari aerodrom

17. Pengendali aerodrom hendaklah mengalihkan dari suatu aerodrom apa-apa halangan, selain halangan yang dibenarkan, yang boleh membahayakan pengendalian kapal udara.

Program pengurusan alam sekitar

18. Pengendali aerodrom yang menyenggara atau mengendalikan aerodrom Kategori 1 atau 3 hendaklah mengadakan suatu program pengurusan alam sekitar dan hendaklah memastikan program pengurusan alam sekitar itu disenggara dan dipatuhi.

Perlindungan alat bantu penerbangan

19. Pengendali aerodrom tidak boleh—

- (a) membangunkan atau menyebabkan supaya dibangunkan, apa-apa kemudahan di atas suatu aerodrom, yang boleh menjejaskan pengendalian apa-apa kemudahan elektronik, visual penerbangan atau perkhidmatan penerbangan udara di aerodrom itu; dan
- (b) menjalankan atau menyebabkan supaya apa-apa aktiviti dijalankan yang boleh menyebabkan gangguan kepada apa-apa kemudahan elektronik, visual penerbangan atau perkhidmatan penerbangan udara di aerodrom itu.

Obligasi am

20. (1) Pengendali aerodrom hendaklah—

- (a) memastikan aerodrom bebas daripada mana-mana orang yang tidak dibenarkan, kenderaan, atau haiwan yang tidak berada di bawah kawalan yang sewajarnya;
- (b) memastikan aerodrom bebas daripada apa-apa halangan, selain halangan yang dibenarkan, yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengendalian kapal udara;
- (c) menanda apa-apa halangan yang dibenarkan mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (d) memaklumkan Ketua Pengarah berkenaan dengan apa-apa pengubahsuaian kepada halangan yang dibenarkan atau kerja-kerja di tapak udara suatu aerodrom;
- (e) memasang penunjuk arah angin untuk menunjukkan arah angin di permukaan dan memastikan penunjuk arah angin itu berfungsi;
- (f) menyenggara tanda dalam keadaan yang mudah dilihat dan memastikan penandaan itu tersedia boleh dilihat oleh kapal udara di udara atau yang bergerak di darat mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (g) menanda kawasan di atas kawasan pendaratan yang tidak dapat digunakan mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (h) memaklumkan Ketua Pengarah, jika suatu aerodrom tidak dapat digunakan atau jika mana-mana bahagian di permukaan kawasan

pendaratan merosot kepada suatu tahap yang boleh menjejaskan pengendalian kapal udara yang selamat; dan

- (i) mengemukakan kepada Ketua Pengarah laporan tentang keadaan suatu aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “kawasan pendaratan” ertinya suatu bahagian kawasan pergerakan di aerodrom yang dimaksudkan bagi pelepasan dan pendaratan kapal udara.

Pemeriksaan khas

21. (1) Pengendali aerodrom hendaklah memeriksa sesuatu aerodrom—

- (a) secepat yang dapat dilaksanakan selepas apa-apa kemalangan atau insiden;
- (b) pada mana-mana tempoh pembinaan atau pembaikan kemudahan atau kelengkapan aerodrom yang penting kepada keselamatan pengendalian kapal udara; dan
- (c) pada mana-mana masa lain apabila terdapat keadaan di aerodrom itu yang boleh menjejaskan keselamatan penerbangan.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan apa-apa pemeriksaan yang dijalankan di bawah subperaturan (1), dalam had masa yang dinyatakan dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Notis amaran

22. Apabila suatu kapal udara terbang rendah, di atau berhampiran dengan suatu aerodrom, atau apabila suatu kapal udara yang sedang menteksi berkemungkinan

mendatangkan bahaya kepada orang atau kenderaan, pengendali aerodrom hendaklah—

- (a) jika suatu laluan awam adalah dalam kawalan pengendali aerodrom itu, menampalkan notis amaran bahaya pada mana-mana laluan awam yang bersebelahan dengan kawasan olah gerak itu; atau
- (b) jika suatu laluan awam tidak dikawal oleh pengendali aerodrom, memaklumkan bahaya itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

BAHAGIAN V

ALAT BANTU VISUAL AERONAUTIK

Alat bantu visual aeronautik

23. Pengendali aerodrom hendaklah menyediakan alat bantu visual aeronautik di aerodrom sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VI

LAMPU DARAT AERONAUTIK

Lampu darat aeronautik

24. (1) Peraturan ini terpakai bagi aerodrom yang digunakan pada waktu malam dan semasa jarak penglihatan yang tidak baik.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan dan menyenggara lampu darat aeronautik dan apa-apa lampu lain sebagaimana yang diperlukan bagi pengendalian kapal udara yang selamat dan bagi kawasan pergerakan aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pengendali aerodrom hendaklah memastikan lampu darat aeronautik dan apa-apa lampu lain di bawah subperaturan (2) yang dipasang di aerodrom dinyalakan.

(4) Pengendali aerodrom hendaklah memadamkan, menyaring atau mengubah suai untuk menghilangkan lampu di darat yang bukan suatu lampu darat aeronautik yang oleh sebab keamatan, konfigurasi atau warnanya, boleh menghalang atau menyebabkan kekeliruan dalam pentafsiran lampu darat aeronautik.

(5) Tiada seorang pun boleh mengadakan, menyenggara atau mengubah spesifikasi mana-mana lampu darat aeronautik, selain bikon aeronautik, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah.

(6) Bagi maksud peraturan ini, "bikon aeronautik" ertinya suatu lampu darat aeronautik yang boleh dilihat dari semua azimuth, secara berterusan atau sekejap-sekejap, untuk menandakan suatu titik tertentu di permukaan suatu aerodrome.

Bekalan kuasa sekunder

25. Pengendali aerodrom yang menyenggara atau mengendalikan suatu aerodrom yang dilengkapi dengan lampu darat aeronautik hendaklah memasang bekalan kuasa sekunder sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Bikon aerodrom

26. Pengendali aerodrom hendaklah menempatkan bikon aerodrom di suatu aerodrom jika—

- (a) penerbangan kapal udara lebih banyak menggunakan cara visual;
- (b) jarak penglihatan yang tidak baik yang kerap; atau
- (c) sukar untuk mengesan aerodrom itu dari udara disebabkan lampu atau permukaan bumi di sekeliling.

BAHAGIAN VII
HAD HALANGAN DAN PENGALIHAN

Had halangan

27. (1) Tiada seorang pun, kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah, boleh menyebabkan atau membenarkan—

- (a) pembinaan atau pembesaran suatu halangan di atau sekitar suatu aerodrom; atau
- (b) apa-apa benda untuk memasuki permukaan had halangan jika benda itu boleh menyebabkan peningkatan dalam altitud pelepasan halangan atau ketinggian bagi tatacara sua alatan atau apa-apa tatacara berlegar visual yang berkaitan.

(2) Benda yang disebut dalam perenggan (1)(b) termasuk benda baharu atau penambahan kepada benda sedia ada yang melebihi permukaan had halangan.

Kebenaran untuk membina di sekitar aerodrom

28. (1) Seseorang tidak boleh membina suatu bangunan atau struktur di sekitar suatu aerodrom melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah—

- (a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat, sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan

(c) dibuat mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi kehendak di bawah subperaturan (2) dan pemohon telah menjalankan kajian aeronautik berhubung kesan pembinaan itu terhadap pengendalian kapal udara, Ketua Pengarah boleh memberikan kebenaran kepada pemohon.

(4) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat atas kebenaran yang diberikan di bawah peraturan ini.

Pemasangan kelengkapan di tapak udara

29. (1) Seseorang tidak boleh, kecuali bagi maksud penerbangan udara, membina atau memasang kelengkapan atau apa-apa pemasangan di jalur landasan, kawasan keselamatan hujung landasan, jalur laluan teksi, laluan lega atau dalam mana-mana jarak yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, jika pembinaan atau kelengkapan itu boleh membahayakan keselamatan sesuatu kapal udara.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pemasangan atau pembinaan itu hendaklah mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "laluan lega" ertinya suatu kawasan segi empat yang ditentukan di atas darat atau air di bawah kawalan pihak berkuasa yang berkaitan, dipilih atau disediakan sebagai kawasan yang sesuai yang di atasnya suatu kapal udara boleh membuat sebahagian daripada pemanjatan awalnya kepada suatu ketinggian yang ditetapkan.

Penandaan dan penyalaan halangan

30. (1) Pemunya suatu halangan hendaklah menanda apa-apa halangan di dalam aerodrom atau di sekitar aerodrom atau sepanjang laluan ke suatu aerodrom.

(2) Jika halangan di bawah subperaturan (1) dikaitkan dengan suatu aerodrom yang digunakan pada waktu malam, pemunya halangan hendaklah menyebabkan supaya halangan itu dinyalakan.

(3) Penandaan dan penyalaan halangan di bawah subperaturan (1) dan (2) hendaklah mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VIII

PELAN KECEMASAN AERODROM

Pelan kecemasan aerodrom

31. (1) Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan pelan kecemasan aerodrom di aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pelan kecemasan aerodrom hendaklah termasuk peruntukan tentang—

- (a) latihan kecemasan aerodrom;
- (b) pusat pengendalian kecemasan; dan
- (c) pos kawalan bergerak.

BAHAGIAN IX

PELAN PENGURUSAN BAHAYA HIDUPAN LIAR

Pelan pengurusan bahaya hidupan liar

32. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan pelan pengurusan hidupan liar mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN X
PERKHIDMATAN PENGENDALIAN AERODROM

Perkhidmatan menyelamatkan dan memadamkan api

33. (1) Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan dan menyediakan kemudahan menyelamatkan dan memadamkan api di aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Semua kakitangan menyelamatkan dan memadamkan api hendaklah dilatih dengan sewajarnya dan memenuhi semua kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Bekalan bahan api penerbangan

34. (1) Pengendali aerodrom hendaklah menyebabkan atau membenarkan bahan api penerbangan dihantar ke atau dari suatu pemasangan bahan api penerbangan ke suatu kapal udara mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali bahan api tidak boleh—

(a) menyebabkan atau membenarkan bahan api penerbangan dikeluarkan untuk digunakan dalam suatu kapal udara jika pengendali bahan api itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa bahan api penerbangan itu tidak sesuai untuk kegunaan dalam kapal udara itu; atau

(b) membekalkan bahan api kepada suatu kapal udara kecuali di tempat dan dengan cara yang diluluskan oleh pengendali aerodrom.

(3) Pengendali aerodrom boleh mengenakan apa-apa syarat atas kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (2)(b) untuk melindungi orang atau harta di darat.

(4) Pengendali bahan api hendaklah menyimpan rekod bertulis bagi suatu pemasangan bahan api penerbangan yang termasuklah—

- (a) butiran gred dan kuantiti bahan api penerbangan yang dihantar dan tarikh penghantaran;
- (b) butiran semua sampel yang diambil daripada bahan api penerbangan dan keputusan ujian sampel itu;
- (c) butiran penyenggaraan dan pembersihan pemasangan itu; dan
- (d) butiran bahan api yang digunakan dan tarikh penggunaan.

(5) Pengendali bahan api hendaklah—

- (a) menyimpan rekod di bawah subperaturan (4) bagi tempoh dua belas bulan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh dalam suatu hal tertentu arahkan; dan
- (b) mengemukakan rekod itu dalam tempoh yang munasabah selepas diminta untuk berbuat demikian oleh pegawai yang diberi kuasa.

(6) Jika Ketua Pengarah mendapati mana-mana bahan api penerbangan dimaksudkan atau berkemungkinan untuk dihantar melanggar dengan peraturan ini, Ketua Pengarah boleh mengarahkan pengendali bahan api untuk tidak membenarkan mana-mana bahan api penerbangan dikeluarkan untuk digunakan daripada pemasangan bahan api penerbangan bagi suatu tempoh masa yang tertentu.

(7) Bagi maksud peraturan ini—

- (a) “pemasangan bahan api penerbangan” ertinya apa-apa radas atau bekas, termasuk suatu kenderaan yang direka bentuk, dibuat atau

disesuaikan untuk menyimpan bahan api penerbangan atau menghantar bahan api ke suatu kapal udara; dan

(b) “pengendali bahan api” ertinya seseorang yang menguruskan penghantaran bahan api penerbangan dalam suatu aerodrom.

Pengalihan kapal udara yang tidak dapat digunakan

35. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan suatu pelan bagi pengalihan kapal udara yang tidak dapat digunakan dari kawasan pergerakan atau dari kawasan yang bersebelahan dengan kawasan pergerakan itu mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Perkhidmatan pengurusan apron

36. (1) Pengendali aerodrom hendaklah menyediakan perkhidmatan pengurusan apron di suatu aerodrom jika perkhidmatan penerbangan udara disediakan mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “perkhidmatan pengurusan apron” ertinya perkhidmatan yang disediakan bagi mengawal selia aktiviti dan pergerakan kapal udara dan kenderaan di suatu apron.

Program pemeriksaan keselamatan

37. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan dan menyenggara program pemeriksaan keselamatan bagi suatu aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN XI

PERATURAN-PERATURAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN PERGERAKAN

Akses kenderaan ke kawasan pergerakan dan kawasan olah gerak

38. (1) Pengendali aerodrom hendaklah—

- (a) menghadkan akses suatu kenderaan yang digunakan bagi pengendalian aerodrom dan pengendalian kapal udara ke kawasan olah gerak;
- (b) menyediakan tatacara yang mencukupi bagi akses yang selamat dan teratur ke aerodrom, dan pengendalian di kawasan olah gerak, jika suatu unit perkhidmatan penerbangan udara sedang beroperasi di aerodrom itu, bagi memastikan setiap kenderaan yang sedang dikendalikan di kawasan olah gerak itu dikawal oleh—
 - (i) komunikasi radio dua hala antara kenderaan itu dengan unit perkhidmatan penerbangan udara; atau
 - (ii) suatu komunikasi radio yang disertakan atau kenderaan pengiring dengan langkah-langkah yang mencukupi termasuk isyarat atau pengawal untuk mengawal kenderaan itu, jika kenderaan itu tidak mempunyai radio;
- (c) menyediakan langkah-langkah yang mencukupi untuk memastikan kenderaan yang sedang dikendalikan dalam suatu kawasan pergerakan dikawal oleh tanda atau isyarat sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, jika unit perkhidmatan penerbangan udara tidak beroperasi di aerodrom itu; dan
- (d) memastikan mana-mana orang yang mengendalikan suatu kenderaan di suatu kawasan pergerakan mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah memastikan seseorang yang mempunyai akses ke suatu kawasan pergerakan memakai kelengkapan yang memantulkan warna yang hendaklah ditunjukkan dengan jelas semasa di kawasan pergerakan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “kelengkapan” termasuklah anak baju, jalur, kot luar, topi keledar dan stoking.

Pas lapangan terbang dan pas lapangan terbang sementara

39. (1) Peraturan ini tidak terpakai bagi—

(a) aerodrom yang diisytiharkan sebagai suatu kawasan larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*]; dan

(b) aerodrom Kategori 2 dan 4.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah mengambil langkah yang perlu bagi memastikan kawasan larangan sesuatu aerodrom yang dikendalikan oleh pengendali aerodrom itu disempadankan dengan jelas dan dibawa kepada pengetahuan umum.

(3) Seseorang tidak boleh memasuki atau berada di dalam kawasan larangan suatu aerodrom melainkan jika dia mempunyai pas lapangan terbang atau pas lapangan terbang sementara yang dikeluarkan oleh Ketua Keselamatan.

(4) Ketua Keselamatan boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut bagi mana-mana pas lapangan terbang dan pas lapangan terbang sementara yang dikeluarkan olehnya.

(5) Pemegang suatu pas lapangan terbang atau pas lapangan terbang sementara hendaklah mematuhi semua syarat yang dikenakan atas pas itu.

(6) Pas lapangan terbang yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) sah bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

(7) Bagi maksud peraturan ini—

(a) “kawasan larangan” ertinya kawasan dalam suatu aerodrom yang dikendalikan oleh pengendali aerodrom yang tiada sesiapa pun

dibenarkan masuk atau berada di dalamnya melainkan jika dia memiliki suatu pas lapangan terbang; dan

- (b) "Ketua Keselamatan" ertinya pegawai yang dilantik oleh pengendali aerodrom sebagai ketua pegawai keselamatan yang bertanggungjawab bagi keselamatan aerodrom dan termasuklah mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Keselamatan untuk bertindak bagi pihaknya.

Pengendalian kenderaan di kawasan pergerakan

40. (1) Seseorang tidak boleh mengendalikan kenderaan di kawasan pergerakan melainkan jika—

- (a) orang itu dibenarkan oleh—

- (i) pengawal trafik udara jika kenderaan itu hendak dikendalikan di kawasan olah gerak yang perkhidmatan penerbangan udara disediakan; atau
- (ii) pengendali aerodrom jika kenderaan itu hendak dikendalikan di apron;

- (b) orang itu telah dilatih untuk mengendalikan kenderaan itu;

- (c) orang itu telah dikeluarkan suatu permit memandu tapak udara di bawah peraturan 44; dan

- (d) kenderaan itu—

- (i) telah dikeluarkan permit kenderaan tapak udara di bawah peraturan 41; dan
- (ii) dilengkapi dengan suatu bikon berputar mengikut warna dan ciri-ciri sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Seseorang yang mengendalikan suatu kenderaan di suatu kawasan olah gerak—

- (a) hendaklah mematuhi semua penandaan, tanda dan lampu sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) hendaklah tidak melebihi kelajuan dua puluh lima kilometer atau lima belas batu sejam.

(3) Seseorang yang mengendalikan suatu kenderaan yang dilengkapi radio di suatu kawasan pergerakan hendaklah—

- (a) mengadakan komunikasi radio dua hala—
 - (i) sebelum memasuki kawasan olah gerak itu, dengan pengawal trafik udara; atau
 - (ii) sebelum memasuki suatu apron, dengan pengendali aerodrom; dan
- (b) mengekalkan pendengaran yang berterusan pada frekuensi yang diperuntukkan di kawasan pergerakan itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini, seseorang yang mengendalikan suatu kenderaan termasuklah—

- (a) berhubung dengan suatu treler, pemandu sesuatu kenderaan yang dengannya treler itu ditunda;
- (b) jika orang yang berlainan bertindak sebagai jurumudi suatu kenderaan, orang itu dan juga orang lain yang terlibat dalam pemanduan kenderaan itu; dan

- (c) penunggang suatu basikal dan mana-mana orang yang menggerakkan suatu basikal beroda tiga atau menolak atau menarik suatu pengangkut.

Permit kenderaan tapak udara

41. (1) Seseorang tidak boleh menggunakan, menyebabkan, mengendalikan, atau membenarkan untuk digunakan, suatu kenderaan di kawasan olah gerak melainkan jika kenderaan itu telah dikeluarkan suatu permit kenderaan tapak udara oleh pengendali aerodrom.

(2) Permit kenderaan tapak udara sah bagi tempoh satu tahun melainkan jika permit itu digantung atau dibatalkan oleh pengendali aerodrom.

Permit masuk sementara

42. (1) Seseorang tidak boleh menggunakan, menyebabkan, mengendalikan, atau membenarkan untuk digunakan, suatu kenderaan di apron di suatu aerodrom melainkan jika kenderaan itu telah dikeluarkan permit masuk sementara oleh pengendali aerodrom.

(2) Kenderaan yang telah dikeluarkan permit masuk sementara hendaklah—

- (a) diiringi oleh pemegang permit memandu tapak udara yang hendaklah bertindak sebagai jurumudi kenderaan itu;
- (b) mempamerkan bendera pelepas jenis yang diperuntukkan pada titik paling tinggi kenderaan itu;
- (c) tidak boleh diparkir atau dipandu dalam lingkungan lima belas meter dari suatu kapal udara;
- (d) tidak memasuki kawasan olah gerak atau hangar suatu kapal udara;
dan

- (e) mematuhi apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh pengendali aerodrom.

Masuk kerana kecemasan

43. Peraturan 41 dan 42 tidak terpakai bagi mana-mana kenderaan yang memasuki kawasan pergerakan bagi maksud kecemasan.

Permit memandu tapak udara

44. (1) Seseorang tidak boleh—

- (a) memandu kenderaan di suatu kawasan pergerakan;
- (b) mengambil orang lain bekerja untuk memandu suatu kenderaan di suatu kawasan pergerakan; atau
- (c) membenarkan orang lain untuk memandu suatu kenderaan di suatu kawasan pergerakan,

melainkan jika dia, orang yang diambil kerja atau orang yang dibenarkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mempunyai suatu permit memandu tapak udara yang sah yang dikeluarkan oleh pengendali aerodrom.

(2) Permit memandu tapak udara sah bagi tempoh satu tahun melainkan jika permit itu digantung atau dibatalkan oleh pengendali aerodrom.

Pagar aerodrom dan pemasangan

45. Pengendali aerodrom hendaklah mendirikan suatu pagar atau pengadang yang sesuai di sekeliling sesuatu aerodrom mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah—

- (a) untuk mencegah apa-apa binatang daripada memasuki suatu kawasan pergerakan; dan

(b) untuk menghalang akses oleh orang yang tidak dibenarkan ke tapak udara.

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan arahan

46. Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan kepada Ketua Keselamatan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah peraturan 39, 41, 42 dan 44, khususnya, arahan yang berkenaan dengan syarat untuk dikenakan pada pas lapangan terbang, pas lapangan terbang sementara, permit kenderaan tapak udara, permit masuk sementara dan permit memandu tapak udara yang dikeluarkan di bawah peraturan itu.

BAHAGIAN XII

PENYENGGARAAN AERODROM

Program penyenggaraan

47. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan suatu program penyenggaraan mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Penyenggaraan laluan jalan kaki

48. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan penyenggaraan laluan jalan kaki mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Penyenggaraan alat bantu visual aeronautik

49. Pengendali aerodrom hendaklah melaksanakan suatu sistem penyenggaraan pencegahan bagi alat bantu visual aeronautik mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Kerja semasa pengendalian jarak penglihatan rendah

50. Pengendali aerodrom hendaklah memastikan apa-apa aktiviti pembinaan atau penyenggaraan tidak dijalankan berhampiran dengan sistem elektrik aerodrom pada bila-bila masa semasa pengendalian jarak penglihatan rendah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Kerja di aerodrom

51. Pengendali aerodrom hendaklah mengadakan tatacara dan langkah berjaga-jaga mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk memastikan apa-apa kerja atau aktiviti yang dijalankan di suatu aerodrom tidak membahayakan keselamatan pengendalian kapal udara.

BAHAGIAN XIII SISTEM ELEKTRIK AERODROM

Sistem elektrik aerodrom

52. (1) Bahagian ini terpakai bagi semua kategori aerodrom apabila sistem elektrik aerodrom telah dipasang di aerodrom itu.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah memastikan sistem elektrik aerodrom yang mencukupi disediakan untuk fungsi perkhidmatan dan kemudahan penerbangan udara yang selamat mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN XIV PELAPORAN MAKLUMAT

Maklumat kepada pengguna aerodrom

53. Pengendali aerodrom hendaklah memastikan semua maklumat yang berhubungan dengan aerodrom dan kemudahannya yang penting bagi perjalanan penerbangan ke dan dari aerodrom tersedia kepada pengguna aerodrom itu.

Pemberitahuan dan pelaporan

54. (1) Pengendali aerodrom hendaklah melapor kepada Ketua Pengarah secara bertulis, dan juruterbang yang boleh terjejas, dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, berhubung dengan—

- (a) apa-apa perbezaan dalam maklumat yang disediakan oleh pengendali aerodrom dalam Penerbitan Maklumat Aeronautik, Surat Pekeliling Maklumat Aeronautik atau pemberitahuan kepada petugas udara;
 - (b) apa-apa perubahan kepada kemudahan aerodrom, kelengkapan dan peringkat perkhidmatan yang telah dirancang, terlebih dahulu; dan
 - (c) apa-apa isu yang memerlukan pemberitahuan segera termasuklah halangan dan bahaya hidupan liar, peringkat perkhidmatan, kawasan pergerakan dan apa-apa keadaan yang menjejaskan keselamatan penerbangan di aerodrom dan apa-apa langkah berjaga-jaga yang perlu diambil.
- (2) Bagi maksud peraturan ini—
- (a) “Penerbitan Maklumat Aeronautik” ertinya penyiaran maklumat aeronautik yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;
 - (b) “Pekeliling Maklumat Aeronautik” ertinya surat pekeling maklumat aeronautik yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;
 - (c) “pemberitahuan kepada petugas udara” ertinya notis yang mengandungi maklumat berkenaan dengan penubuhan, syarat atau perubahan dalam mana-mana kemudahan, servis, tatacara atau bahaya, yang terlibat pengetahuan pada masanya penting kepada kakitangan yang terlibat dengan pengendalian penerbangan.

BAHAGIAN XV

PENEMPATAN, PARKIR DAN KEMUDAHAN PENERBANGAN UDARA

Penempatan kapal udara

55. (1) Suatu kapal udara boleh ditempatkan di aerodrom yang dimiliki oleh Kerajaan yang diurus dan dikendalikan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada caj penempatan yang hendaklah kena dibayar kepada Jabatan Penerbangan Awam pada kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 [*P.U. (A) 99/2016*].

(2) Suatu kapal udara hendaklah diterima untuk penempatan tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) semua caj yang kena dibayar berkenaan dengan kapal udara itu hendaklah kena dibayar oleh pengendali, pemunya atau ketua juruterbang kapal udara itu sebelum berlepas;
- (b) jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran caj, Ketua Pengarah, bagi pihak Kerajaan berhak dengan serta-merta untuk memindahkan kapal udara itu dari mana-mana hangar atau bangsal yang di dalamnya ia ditempatkan atau disimpan dan untuk meletakkannya di tempat terbuka dan Ketua Pengarah berhak selanjutnya, sama ada sebagai tambahan atau sebagai alternatif kepada pemindahan itu, selepas memberikan notis bertulis empat belas hari mengenai niatnya untuk berbuat demikian, untuk menjual kapal udara itu atau mana-mana bahagian atau komponen atau aksesoriya melalui lelongan awam atau kontrak persendirian tanpa dia sendiri atau pegawainya bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berhubung dengan jualan itu dan untuk membayar balik kepada dirinya daripada hasil jualan itu jumlah caj yang kena dibayar kepadanya serta kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan penjualan itu;

- (c) sebagai tambahan kepada mana-mana lien atau hak atau remedi lain yang Kerajaan mungkin ada berkenaan dengan kapal udara itu, sama ada di bawah syarat ini atau selainnya, Kerajaan berhak untuk menyimpan pemunyaan kapal udara itu sehingga semua caj yang kena dibayar berkenaan dengan kapal udara itu telah dibayar tanpa mengambil kira sama ada caj itu atau mana-mana bahagiannya telah dituntut sebelum itu ataupun tidak; dan
- (d) Kerajaan tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau kerosakan kepada kapal udara atau mana-mana bahagian, komponen atau aksesori yang berpunca daripada apa jua sebab sekalipun sama ada ketika dalam jagaan atau simpanan atau selainnya.

Parkir kapal udara

56. (1) Ketua Pengarah atau pengendali aerodrom, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menghendaki sesuatu kapal udara dialihkan dari satu tempat parkir yang diperuntukkan ke tempat parkir yang lain selepas tempoh berada di tempat parkir itu selama satu jam setengah telah berlalu.

(2) Ketua Pengarah atau pengendali aerodrom, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh atas sebab keselamatan atau apa-apa sebab lain, memerintahkan suatu kapal udara yang diparkir dialihkan ke suatu hangar yang sesuai yang dalam hal itu caj penempatan hendaklah dikenakan dari masa perintah itu dilaksanakan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “parkir” atau “diparkir” ertinya parkir atau diparkir di sesuatu aerodrom di tempat terbuka.

Caj kemudahan penerbangan udara

57. (1) Tiap-tiap penerbangan melalui ruang dalam lingkungan Wilayah Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu hendaklah tertakluk kepada caj kemudahan penerbangan udara yang hendaklah kena dibayar kepada Jabatan Penerbangan Awam pada kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana kapal udara rasmi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana negeri di Malaysia, termasuk kapal udara tentera;
- (b) mana-mana kapal udara rasmi Ketua Negara, Menteri dan pembesar lain yang melawat Malaysia sebagai tetamu negara atas dasar persalingan;
- (c) mana-mana kapal udara yang dinyatakan yang dikendalikan oleh mana-mana kelab penerbangan yang telah, dalam hal sesuatu aerodrom yang diuruskan dan dikendalikan oleh Ketua Pengarah, diluluskan bagi maksud peraturan ini oleh Ketua Pengarah jika penerbangan sebelum pendaratan atau berikutan dengan perlepasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bukan untuk sewa atau upah atau bagi apa-apa maksud lain selain daripada terbang untuk kelab;
- (d) mana-mana kapal udara yang digunakan dalam operasi mencari dan menyelamatkan;
- (e) mana-mana kapal udara yang dikehendaki untuk kembali ke lapangan terbang berlepas atau lapangan terbang alternatif disebabkan oleh alat kelengkapan kapal udara itu tidak berfungsi atau penutupan lapangan terbang destinasi selepas kapal udara itu berlepas atau hal keadaan lain yang di luar kawalan pengendali;
- (f) penerbangan di antara dua tempat pendaratan yang tidak dijaga;
- (g) penerbangan yang sentiasa di dalam zon kawalan aerodrom atau dalam lingkungan radius lima batu dari aerodrom atau di dalam kawasan latihan bersebelahan yang ditetapkan; atau

- (h) mana-mana kapal udara lain atau kelas kapal udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Perkiraan bagi pembayaran caj penempatan dan caj kemudahan penerbangan udara

58. Melainkan jika perkiraan telah dibuat terlebih dahulu dengan Ketua Pengarah—

- (a) caj penempatan hendaklah dibayar sebelum kapal udara itu berlepas dari lapangan terbang mendarat;
- (b) semua caj kemudahan penerbangan udara bagi suatu penerbangan yang hendak dilakukan hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum penerbangan itu;
- (c) Ketua Pengarah boleh enggan untuk membenarkan kapal udara berlepas dari lapangan terbang sehingga semua caj yang kena dibayar di bawah Bahagian ini telah dibayar; dan
- (d) semua caj kemudahan penerbangan udara bagi suatu penerbangan yang tidak mendarat di lapangan terbang di Malaysia hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh pengendali, pemunya atau ketua juruterbang kapal udara itu.

BAHAGIAN XVI

PELBAGAI

Lapangan terbang kastam

59. Mana-mana aerodrom yang telah diberi kebenaran di bawah peraturan 5 boleh ditetapkan sebagai lapangan terbang kastam bagi maksud Akta Kastam 1967 [*Akta 235*].

Langkah keselamatan terhadap kebakaran

60. (1) Tiada seorang pun boleh, di dalam suatu aerodrom—

- (a) merokok atau menyalakan api di dalam mana-mana kawasan, yang perbuatan itu dilarang oleh suatu notis yang dipamerkan;
- (b) jika tidak terdapat notis yang melarang merokok atau menyalakan api di suatu tempat, merokok di tempat itu atau menyalakan api di tempat itu dalam jarak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari mana-mana—
 - (i) kapal udara;
 - (ii) kenderaan yang digunakan bagi membekalkan bahan api kepada suatu kapal udara;
 - (iii) stor bahan api;
 - (iv) tempat pembuangan sampah;
 - (v) tempat penyimpanan cecair bahan api; atau
 - (vi) tempat penyimpanan bahan letupan;
- (c) dengan sengaja memberikan penggera kebakaran palsu;
- (d) mengusik atau mengganggu apa-apa hos bomba, pili bomba atau apa-apa kelengkapan yang disediakan bagi maksud memadam kebakaran;
- (e) menyimpan, menstor, membuang atau melepaskan apa-apa cecair mudah bakar, gas, nyalaan isyarat atau bahan seumpamanya dalam suatu kapal udara, kecuali di dalam bekas yang bersesuaian bagi maksud itu atau di suatu di aerodrom itu tempat yang diluluskan khas oleh pengendali aerodrom bagi maksud itu; dan

- (f) menstor atau menyusun apa-apa material atau kelengkapan dengan cara yang boleh atau mungkin menyebabkan bahaya api; atau
- (g) melakukan apa-apa tindakan atau menyebabkan apa-apa keadaan yang pada pendapat Ketua Pengarah boleh menyebabkan bahaya api dalam suatu aerodrom.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah mempamerkan di tempat yang mudah dilihat dalam aerodrom, perbuatan yang dilarang di bawah subperaturan (1).

Penjalanan ujian enjin kapal udara

61. Seseorang tidak boleh menjalankan jalanan ujian suatu enjin kapal udara kecuali di suatu tempat yang ditetapkan oleh pengendali aerodrom.

Tindakan tertentu yang dilarang dalam aerodrom

62. (1) Tiada seorang pun boleh, dalam suatu aerodrom—

- (a) menghalang atau mengganggu kegunaan yang sepatutnya aerodrom;
- (b) menghalang mana-mana orang daripada melaksanakan tugasnya di aerodrom;
- (c) mengalihkan atau mencacatkan apa-apa notis, tulisan, dokumen atau tandaan yang didirikan atau dipamerkan di aerodrom;
- (d) membuang, meninggalkan atau menjatuhkan apa-apa yang boleh menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada harta benda;
- (e) melonggokkan apa-apa sisa buangan kecuali di suatu tempat yang diluluskan bagi maksud itu oleh pengendali aerodrom;

- (f) melonggokkan atau menumpahkan apa-apa bahan yang boleh menyebabkan pencemaran air, sama ada pepejal, cecair, berwap atau gas atau kombinasi semuanya, kecuali di tempat yang diluluskan bagi maksud itu oleh pengendali aerodrom; atau
 - (g) menyebabkan kacau ganggu kepada mana-mana orang dalam aerodrom.
- (2) Kecuali dengan kebenaran pengendali aerodrom, tiada seorang pun boleh—
- (a) mengusik atau mengganggu mana-mana bahagian aerodrom atau apa-apa kelengkapan yang berkaitan dengan pengendalian aerodrom;
 - (b) memanjat mana-mana dinding, pagar, pengadang, siling, pintu atau tiang dalam suatu aerodrom;
 - (c) memegang apa-apa bagasi atau membawa bagasi untuk penumpang di suatu aerodrom;
 - (d) membawa suatu kenderaan masuk atau memandu masuk ke dalam suatu aerodrom; dan
 - (e) menghalang kemasukan ke atau laluan di aerodrom dengan cara yang mendatangkan kesusahan kepada pengguna pintu masuk atau laluan itu.

Cahaya berbahaya

63. (1) Tiada seorang pun boleh mengunjurkan cahaya berhampiran dengan suatu aerodrom yang dengan silauannya boleh membahayakan keselamatan kapal udara yang tiba atau berlepas dari aerodrom itu.

(2) Jika pada pendapat Ketua Pengarah, suatu cahaya boleh membahayakan keselamatan suatu kapal udara, Ketua Pengarah boleh mengarahkan orang yang mengendalikan atau mengawal cahaya itu untuk memadamkan cahaya itu dan menghalang pengunjuran cahaya itu bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Penggantungan, perubahan dan pembatalan kebenaran, perakuan atau lesen

64. (1) Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, menggantung, mengubah atau membatalkan sesuatu kebenaran, perakuan atau lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada mana-mana orang dalam mana-mana yang keadaan seperti yang berikut:

- (a) jika orang itu melanggar mana-mana terma atau syarat kebenaran, perakuan atau lesen itu;
- (b) jika orang itu melanggar mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini;
- (c) jika kebenaran, perakuan atau lesen itu diperoleh secara fraud atau salah nyataan; atau
- (d) dalam hal kematian, ketidakupayaan, kebangkrapan orang itu atau dalam hal suatu syarikat, sekiranya syarikat itu digulung atau penerima atau pengurus dilantik.

(2) Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menggantung, mengubah atau membatalkan kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan melainkan jika orang itu telah diberi peluang untuk membuat representasi.

(3) Sementara menanti apa-apa keputusan untuk menggantung, mengubah atau membatalkan apa-apa kebenaran, perakuan atau lesen di bawah subperaturan (1), Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, jika

difikirkannya patut, menggantung atau mengubah buat sementara waktu, dengan atau tanpa syarat, kebenaran, perakuan atau lesen.

(4) Jika apa-apa kebenaran, perakuan atau lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini—

(a) dibatalkan, pemegang kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan itu hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan itu memulangkan kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan itu kepada Menteri atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) digantung atau digantung sementara, kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan itu tidak mempunyai kuat kuasa semasa tempoh penggantungan itu.

Pengawasan pengawalseliaan keselamatan

65. (1) Ketua Pengarah boleh, pada-bila-bila masa, menjalankan pengawasan pengawalseliaan keselamatan untuk menentukan pematuhan kepada Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh sebab apa-apa perkara yang dibuat semasa atau bersampingan dengan pengawasan pengawalseliaan keselamatan di bawah peraturan ini hendaklah dibayar dan boleh didapatkan daripada orang yang telah diberikan kebenaran atau pemegang perakuan atau lesen itu.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau arahan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat

66. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat, sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memberi kesan kepada peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Kesalahan yang berhubungan dengan dokumen dan rekod

67. (1) Seseorang tidak boleh dengan niat hendak memperdaya—

- (a) menggunakan apa-apa kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan yang telah dipalsukan, diubah, dibatalkan atau digantung, atau yang dia tidak berhak kepadanya;
- (b) meminjamkan apa-apa kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada, atau membenarkan kebenaran, perakuan, lesen atau kelulusan itu digunakan oleh, mana-mana orang lain; atau
- (c) membuat apa-apa representasi palsu bagi maksud mendapatkan bagi dirinya atau mana-mana orang lain apa-apa kebenaran, perakuan atau lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bagi maksud peraturan ini, sebutan tentang kebenaran, perakuan atau lesen termasuklah suatu salinan atau sesuatu yang berupa salinan kebenaran, perakuan atau lesen itu.

Penalti

68. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

- (a) jika orang itu seorang individu, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lapan puluh ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(c) jika orang itu seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau

(d) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit.

JADUAL

[Peraturan 68]

KESALAHAN

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan yang disenaraikan dalam Bahagian A dan Bahagian B Jadual ini adalah melakukan suatu kesalahan:

BAHAGIAN A

<i>Peraturan</i>	<i>Hal perkara</i>
10	Pindah milik kebenaran, perakuan atau lesen
11	Penyerahan balik kebenaran, perakuan atau lesen

BAHAGIAN B

<i>Peraturan</i>	<i>Hal perkara</i>
6	Perakuan aerodrom
7	Perubahan manual aerodrom
9	Perubahan kepada butiran dalam kebenaran perakuan atau lesen
12	Obligasi pengendali aerodrom dalam menyenggara atau mengendalikan aerodrom
13	Pemberitahuan tentang masa pengendalian aerodrom
14	Kekompetenan kakitangan
16	Penyimpanan barangan mudah terbakar dan barangan berbahaya
17	Pengalihan halangan dari aerodrom
18	Program pengurusan alam sekitar
19	Pelindungan alat bantu penerbangan
20	Obligasi am
21	Pemeriksaan khas
22	Notis amaran
23	Alat bantu visual aeronautik
24	Lampu darat aeronautik
25	Bekalan kuasa sekunder
26	Bikon aerodrom
27	Had halangan
28	Kebenaran untuk membina di sekitar aerodrom
29	Pemasangan kelengkapan di tapak udara
30	Penandaan dan penyalaan halangan
31	Pelan kecemasan aerodrom
32	Pelan pengurusan bahaya hidupan liar
33	Perkhidmatan menyelamatkan dan memadamkan api
34	Bekalan bahan api penerbangan
35	Peeralihan kapal udara yang tidak dapat digunakan

- 36 Perkhidmatan pengurusan apron
- 37 Program pemeriksaan keselamatan
- 38 Akses kenderaan ke kawasan pergerakan dan kawasan olah gerak
- 39 Pas lapangan terbang dan pas lapangan terbang sementara
- 40 Pengendalian kenderaan di kawasan pergerakan
- 41 Permit kenderaan tapak udara
- 42 Permit masuk sementara
- 44 Permit memandu tapak udara
- 45 Pagaran aerodrom dan pemasangan
- 47 Program penyenggaraan
- 48 Penyenggaraan laluan jalan kaki
- 49 Penyenggaraan alat bantu visual aeronautik
- 50 Kerja semasa pengendalian jarak penglihatan rendah
- 51 Kerja di aerodrom
- 52 Sistem elektrik aerodrom
- 53 Maklumat kepada pengguna aerodrom
- 54 Pemberitahuan dan pelaporan
- 56 Parkir kapal udara
- 60 Langkah keselamatan terhadap kebakaran
- 61 Penjalanan ujian enjin kapal udara
- 62 Tindakan tertentu yang dilarang di aerodrom
- 63 Cahaya berbahaya
- 65 Pengawasan pengawalseliaan keselamatan
- 67 Kesalahan yang berhubungan dengan dokumen dan rekod

Dibuat 28 Mac 2016
[DCA/PU/11/31 Vol. 6; PN(PU2)38/VIII]

DATO' SERI LIOW TIONG LAI
Menteri Pengangkutan

CIVIL AVIATION ACT 1969

CIVIL AVIATION (AERODROME OPERATIONS) REGULATIONS 2016

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

CATEGORIES OF AERODROMES

4. Categories of aerodromes

PART III

ESTABLISHMENT, MAINTENANCE AND OPERATION OF AERODROMES

5. Establishment of aerodrome
6. Certificate of aerodrome
7. Variation of aerodrome manual
8. Maintenance and operation of aerodrome
9. Changes to particulars in authorization, certificate or licence
10. Transfer of authorization, certificate or licence
11. Surrender of authorization, certificate or licence

PART IV
OBLIGATIONS OF AN AERODROME OPERATOR

Regulation

12. Aerodrome operator's obligations in maintaining or operating aerodrome
13. Information on aerodrome operation hours
14. Competence of personnel
15. Safety management system
16. Storage of inflammable goods and dangerous goods
17. Removal of obstacle from aerodrome
18. Environment management programme
19. Protection of navigation aids
20. General obligations
21. Special inspections
22. Warning notices

PART V
AERONAUTICAL VISUAL AIDS

23. Aeronautical visual aids

PART VI
AERONAUTICAL GROUND LIGHTS

24. Aeronautical ground lights
25. Secondary power supply
26. Aerodrome beacon

PART VII
OBSTACLE LIMITATION AND REMOVAL

27. Obstacle limitation
28. Authorization to construct in the vicinity of an aerodrome
29. Installation of equipment on airside

Regulation

30. Marking and lighting of obstacle

PART VIII

AERODROME EMERGENCY PLAN

31. Aerodrome emergency plan

PART IX

WILDLIFE HAZARD MANAGEMENT PLAN

32. Wildlife hazard management plan

PART X

AERODROME OPERATIONAL SERVICES

33. Rescue and fire fighting services
34. Supply of aviation fuel
35. Removal of disabled aircraft
36. Apron management services
37. Safety inspection programme

PART XI

REGULATIONS RELATING TO MOVEMENT AREAS

38. Access of vehicles to movement area and manoeuvring area
39. Airport pass and temporary airport pass
40. Vehicle operation in movement area
41. Airside vehicle permit
42. Temporary entry permit
43. Entry due to emergency
44. Airside driving permit
45. Fencing of aerodromes and installation

Regulation

46. Director General may issue directions

PART XII

AERODROME MAINTENANCE

47. Maintenance programme
48. Maintenance of pavements
49. Maintenance of aeronautical visual aids
50. Works during low visibility operations
51. Works on aerodrome

PART XIII

AERODROME ELECTRICAL SYSTEM

52. Aerodrome electrical system

PART XIV

REPORTING OF INFORMATION

53. Information for aerodrome users
54. Notifying and reporting

PART XV

HOUSING, PARKING AND AIR NAVIGATION FACILITY

55. Housing of aircraft
56. Parking of aircraft
57. Air navigation facility charges
58. Arrangement for payment of housing charges and air navigation facility charges

PART XVI
MISCELLANEOUS

Regulation

59. Customs airport
60. Safety measures against fire
61. Test running of aircraft engine
62. Certain acts prohibited on aerodrome
63. Dangerous light
64. Suspension, variation and revocation of authorization, certificate, licence or approval
65. Safety regulatory oversight
66. Notices, circulars, directives and information
67. Offences relating to documents and records
68. Penalties

SCHEDULE

CIVIL AVIATION ACT 1969

CIVIL AVIATION (AERODROME OPERATIONS) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 3(1) and paragraphs 3(2)(*dd*), (*e*) and (*f*) of the Civil Aviation Act 1969 [*Act 3*], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Civil Aviation (Aerodrome Operations) Regulations 2016**.

(2) These Regulations come into operation on 31 March 2016.

Application

2. (1) These Regulations shall apply to Category 1, 2, 3 and 4 aerodromes.

(2) These Regulations shall not apply to an aerodrome of the armed forces.

Interpretation

3. In these Regulations—

“apron” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016 [*P.U. (A) 97/2016*];

“wildlife hazard” means a potential for an aircraft collision with wildlife on or near an aerodrome;

“obstacle” means a fixed object, whether temporary or permanent, or a mobile object, or any part of the object—

- (a) that is located on an area intended for the surface movement of an aircraft;
- (b) that extends above a defined surface intended to protect aircraft in flight; or
- (c) that stands outside those defined surfaces, and has been assessed as being a hazard to air navigation;

“allowable obstacle” means any obstacle allowed by the Director General on a runway strip, runway end safety area, taxiway strip or within a taxiway clearance distance or on a clearway;

“wildlife” includes feral birds and domesticated animals;

“taxiway” means a defined path on an aerodrome established for the taxiing of aircraft and intended to provide a link between one part of the aerodrome and another, including—

- (a) an aircraft stand taxilane, which is a portion of an apron designated as a taxiway and intended to provide access to aircraft stands only;
- (b) an apron taxiway, which is a portion of a taxiway system located on an apron and intended to provide a through taxi route across the apron; or
- (c) a rapid exit taxiway, which is a taxiway connected to a runway at an acute angle and designed to allow landing aircrafts to turn off at higher speeds than are achieved on other exit taxiways thereby minimising runway occupancy times;

“taxiway strip” means an area on an aerodrome which includes a taxiway intended to protect an aircraft operating on a taxiway and to reduce the risk of damage to an aircraft accidentally running off the taxiway;

“runway strip” means a defined area on an aerodrome, including the runway and stopway, if provided, intended—

- (a) to reduce the risk of damage to aircraft running off a runway; and
- (b) to protect aircraft flying over it during take-off or landing operations;

“aircraft” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“manoeuvring area” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“movement area” means the part of an aerodrome used for take-off, landing and taxiing of an aircraft, consisting of the manoeuvring area and apron;

“facility” includes—

- (a) a pavement;
- (b) a visual aid;
- (c) a fencing;
- (d) a communication, navigation or surveillance equipment;
- (e) a drainage system; and
- (f) a building;

“aeronautical ground light” means any light specially provided as an aid to air navigation other than a light displayed on an aircraft;

“runway” means a defined rectangular area on a land aerodrome prepared for the landing and take-off of aircraft;

“night” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“marking” means a symbol or group of symbols on an aerodrome displayed on the surface of a movement area in order to convey aeronautical information;

“commercial air transport” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“aerodrome operator” means—

(a) any person who is licensed under regulation 6 to maintain or operate a Category 2 or 4 aerodrome; or

(b) any person who is licensed under section 38 of the Malaysian Aviation Commission Act 2015 [Act 771] to operate a Category 1 or 3 aerodrome;

“air navigation services” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“obstacle limitation surface” means a series of surfaces that define the volume of airspace at and around an aerodrome to be kept free of obstacles in order to permit the intended aircraft operations to be conducted safely and to prevent the aerodrome from becoming unusable by the growth of obstacles around the aerodrome;

“record” has the meaning assigned to it in the Civil Aviation Regulations 2016;

“vicinity” means a defined airspace around an aerodrome for control of obstacles that may infringe the obstacle limitation surfaces around the aerodrome, contained within a radius of 15 000 metres from the aerodrome;

“sign” includes a signal, warning sign, post, direction post, line, lamp and other device for the guidance or direction of a person using a manoeuvring area;

“airside” means the movement area of an aerodrome, adjacent terrain and any building or any part of the building, access to which is controlled;

“air navigation services unit” includes air traffic control unit, flight information centre and air navigation services reporting office.

PART II CATEGORIES OF AERODROMES

Categories of aerodromes

4. For the purposes of these Regulations, aerodromes shall be categorised as follows:
 - (a) Category 1: Government aerodrome available for use by commercial air transport aircraft;
 - (b) Category 2: Government aerodrome not available for use by commercial air transport aircraft;
 - (c) Category 3: private aerodrome available for use by commercial air transport aircraft; and
 - (d) Category 4: private aerodrome not available for use by commercial air transport aircraft.

PART III

ESTABLISHMENT, MAINTENANCE AND OPERATION OF AERODROME

Establishment of aerodrome

5. (1) No person shall establish an aerodrome unless he is authorized by the Minister.

(2) An application for the authorization shall be—

(a) made to the Minister in the form and manner and accompanied by the documents and information, as may be determined by the Minister;

(b) accompanied by the prescribed fee; and

(c) in accordance with any requirements as may be determined by the Minister.

(3) If the Minister is satisfied that the applicant has fulfilled the requirements in subregulation (2), the Minister may authorize the applicant to establish an aerodrome subject to the terms and conditions as the Minister may impose.

(4) The authorization to establish an aerodrome under subregulation (3) shall be valid for a period as may be determined by the Minister and it may be varied or extended.

(5) An application to vary or extend the authorization shall be made in accordance with subregulation (2).

(6) An application to extend an authorization shall be made not less than sixty days before the date of expiration of the authorization.

Certificate of aerodrome

6. (1) No person shall maintain or operate an aerodrome unless the person holds a certificate of aerodrome issued by the Director General.

(2) An application for a certificate of aerodrome shall be—

(a) made to the Director General in the form and manner as may be determined by the Director General;

(b) accompanied by an aerodrome manual and the documents and information as may be determined by the Director General;

(c) accompanied by the prescribed fee; and

(d) in accordance with any requirements as may be determined by the Director General.

(3) The Director General may issue a certificate of aerodrome if he is satisfied that the applicant has fulfilled the requirements in subregulation (2).

(4) The certificate of aerodrome shall be valid for a period as may be determined by the Director General and it may be varied or renewed.

(5) An application to vary or renew a certificate of aerodrome shall be—

(a) made in writing to the Director General and in the case of renewal the application shall be made not less than sixty days before the date of expiration of the certificate of aerodrome;

(b) accompanied by the prescribed fee; and

(c) in accordance with any requirements as may be determined by the Director General.

(6) The Director General may impose such terms and conditions on the issuance, variation or renewal of a certificate of aerodrome under this regulation.

Variation of aerodrome manual

7. (1) An application to vary an aerodrome manual which forms part of the application for a certificate of aerodrome under subregulation 6(2) shall be—

(a) made to the Director General in the form and manner and accompanied by the documents and information, as may be determined by the Director General; and

(b) accompanied by the prescribed fee.

(2) The Director General may vary an aerodrome manual if he is satisfied that the applicant has fulfilled the requirements in subregulation (1).

(3) The Director General may impose such terms and conditions on the variation of the aerodrome manual under this regulation.

Maintenance and operation of aerodrome

8. (1) No person shall maintain or operate a Category 2 or 4 aerodrome unless the person holds a licence issued by the Minister.

(2) An application for a licence under subregulation (1) shall be—

(a) made to the Minister in the form and manner and accompanied by the documents and information, as may be determined by the Minister;

(b) accompanied by the prescribed fee;

(c) in accordance with any requirement as may be determined by the Minister.

(3) The Minister may issue a licence to an applicant if he is satisfied that the applicant—

(a) holds a certificate of aerodrome under regulation 6; and

(b) has fulfilled the requirements in subregulation (2).

(4) The licence to maintain or operate a Category 2 or 4 aerodrome shall be valid for a period as may be determined by the Minister and it may be varied or renewed.

(5) An application to vary or renew the licence shall be—

(a) made in writing to the Minister and in the case of renewal the application shall be made not less than sixty days before the date of expiration of the licence;

(b) accompanied by the prescribed fee; and

(c) in accordance with any requirement as may be determined by the Minister.

(6) The Minister may impose such terms and conditions on the issuance, variation or renewal of licence under this regulation.

Changes to particulars in authorization, certificate or licence

9. Any person who holds an authorization, a certificate or licence under these Regulations shall inform the Minister or the Director General, as the case may be, in writing of any changes in—

(a) the business address appearing on the authorization, certificate or licence, within fourteen days before the date of change of the business address; or

- (b) the mailing address appearing on the authorization, certificate or licence upon the change of the mailing address.

Transfer of authorization, certificate or licence

10. An authorization, a certificate or licence issued under these Regulations shall be personal to whom the authorization, certificate or licence is issued and shall not be transferred or assigned to any other person.

Surrender of authorization, certificate or licence

11. (1) A person who holds an authorization, a certificate or licence issued under these Regulations may surrender the authorization, certificate or licence by giving a written notice to the Minister or the Director General, as the case may be, not less than ninety days before the proposed date of surrender.

(2) If the Minister or the Director General, as the case may be, allows the surrender of the authorization, certificate or licence by the person, the surrender shall take effect six months from the date the Minister or the Director General receives the written notice under subregulation (1) or on such other date as may be determined by the Minister or the Director General, and the person shall—

(a) take the measures and provide the assistance as may be required by the Minister or the Director General; and

(b) surrender the authorization, certificate or licence to the Minister or the Director General on or before the effective date of the surrender.

(3) The surrender of the authorization, certificate or licence under subregulation (1) shall be irrevocable unless the Minister or the Director General, as the case may be, allows the surrender to be withdrawn.

PART IV
OBLIGATIONS OF AERODROME OPERATOR

Aerodrome operator's obligations in maintaining or operating aerodrome

12. An aerodrome operator who maintains or operates an aerodrome shall—
- (a)* ensure that the facilities and specification of the aerodrome fulfil the needs of the aircraft for which the aerodrome is intended;
 - (b)* ensure that the facilities are in a serviceable conditions and the apparatus installed at the aerodrome are functioning;
 - (c)* ensure that the specification of the aerodrome comply with the standards as may be determined by the Director General;
 - (d)* ensure that the operation of the aerodrome is conducted in accordance with the aerodrome manual;
 - (e)* ensure that the services provided in the aerodrome are in serviceable conditions;
 - (f)* ensure that the maintenance of the facilities of the aerodrome comply with the standards as may be determined by the Director General;
 - (g)* if air navigation services are provided at the aerodrome, coordinate with the person who provides the air navigation services to ensure the safety of any aircraft operating on the aerodrome; and
 - (h)* ensure that all persons carrying out activities at the aerodrome comply with any directions as may be determined by the Director General.

Information on aerodrome operation hours

13. An aerodrome operator shall notify or cause to be notified to an operator of an aircraft the times that the aerodrome is available for take-off and landing of the aircraft.

Competence of personnel

14. (1) An aerodrome operator shall—

(a) ensure that there is an adequate number of qualified and skilled personnel to perform the duties relevant for aerodrome maintenance and operation; and

(b) implement any programmes so as to upgrade the competency of the aerodrome operator's personnel.

(2) The Director General may, at any time, direct an aerodrome operator to furnish evidence that the aerodrome operator complies with the requirements under paragraphs (1)(a) and (b) and the aerodrome operator shall comply with the direction.

Safety management system

15. An aerodrome operator who maintains or operates a Category 1 or 3 aerodrome shall establish a safety management system and shall ensure that the safety management system is maintained, implemented and complied with.

Storage of inflammable goods and dangerous goods

16. (1) No aerodrome operator shall store or cause to be stored any inflammable goods or dangerous goods at an aerodrome except with the permission of the Director General.

(2) For the purpose of this regulation, "dangerous goods" means articles or substances which are—

(a) capable of posing any risk to health, safety, property or the environment; and

- (b)* listed or classified as dangerous goods in the Technical Instructions for the Safe Transport of Dangerous Goods by Air (Doc 9284), approved and issued in accordance with the procedure established by the Council of the International Civil Aviation Organisation (ICAO).

Removal of obstacle from aerodrome

17. An aerodrome operator shall remove from an aerodrome any obstacle, other than allowable obstacle, that is likely to be hazardous to an aircraft operation.

Environment management programme

18. An aerodrome operator who maintains or operates a Category 1 or 3 aerodrome shall establish an environment management programme and shall ensure that the environment management programme is maintained and complied with.

Protection of navigation aids

